

KEISTIMEWAAN-KEISTIMEWAAN PADA NABI MUHAMMAD SAW – KAJIAN HADITH TEMATIK

Mohd Fauzi Mohd Amin
Amran Abdul Halim
Nidzamuddin Zakaria
Helimy Aris

Abstrak

Hadis berkaitan keistimewaan yang dimiliki oleh Nabi Muhammad SAW terdapat pelbagai lafaz dan sifahnya, keistimewaan tersebut tidak dimiliki oleh para nabi sebelum Nabi Muhammad SAW. Hadith yang berkaitan keistimewaan ini adalah hadis sahih yang diriwayatkan oleh beberapa orang sahabat seperti Jabar Ibn Abdullah, Huzaifah dan Abu Hurairah serta dikeluarkan oleh pelbagai perawi hadith dalam kitab mereka. Hadis-hadis ini telah diriwayatkan dalam pelbagai lafaz, konten dan uslub. Penulisan ini akan cuba menghimpunkan kesemua riwayat sahabat yang disebutkan tadi dan menilai kata-kata serta uslub-uslub hadis, dan akan menilai sanadnya serta menerangkan ciri-ciri keistimewaan yang dimiliki oleh Nabi Muhammad satu persatu. Penulisan artikel ini dilakukan dengan meneliti maklumat-maklumat berkaitan hadith tersebut menerusi sumber rujukan di perpustakaan dan maklumat daripada kitab hadith yang muktabar dan mentakhrijkannya. Hasil daripada kajian mendapati sanad hadis-hadis ini adalah sanad yang sahih, serta hasil kajian terhadap matan hadith dapat dihimpunkan sepuluh ciri-ciri keistimewaan yang dimiliki oleh Nabi Muhammad SAW.

PENDAHULUAN

Penulis akan mengemukakan empat hadith berkaitan keistimewaan-keistimewaan pada Nabi Muhammad SAW yang tidak dimiliki oleh para Anbiya' lain. Hadith pertama diriwayatkan oleh imam Muslim dengan sanadnya daripada Jabir bin Abdullah, hadith kedua diriwayatkan oleh imam Muslim dengan sanadnya daripada Hudzaifah, hadith ketiga diriwayatkan oleh imam Muslim dengan sanadnya daripada Abu Hurairah dan hadith keempat diriwayatkan juga oleh imam Muslim dengan sanadnya daripada Abu Hurairah.

Hadith Pertama:-

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Muslim dengan sanad daripada Jabir Bin Abdullah seperti berikut:-

عن جابر بن عبد الأنصاري رضي عنهما، قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: أعطيت خمساً لم يعطهن أحد قبلي: كان كلُّ نبيٍّ يُبعثُ إلى قومه خاصّة، وبعثتُ إلى كلِّ أحمَرٍ وأسود، وأحلَّت لي الغنائم ولم

تَحَلَّ لِأَحَدٍ قَبْلِي، وَجُعِلَتْ لِي الْأَرْضُ طَهْرًا وَمَسْجِدًا؛ فَأَيُّمَا رَجُلٍ أَدْرَكْتَهُ الصَّلَاةَ، صَلَّى حَيْثُ كَانَ،
وَنُصِرْتُ لِرُغْبٍ بَيْنَ يَدَيِ مَسِيرَةَ شَهْرٍ، وَأُعْطِيتُ الشَّفَاعَةَ¹⁷¹

Maksudnya: Daripada Jabir bin Abdullah al-Anshari dia berkata, Rasulullah ﷺ bersabda, "Aku diberikan lima perkara yang mana belum pernah diberikan kepada seorang pun sebelumnya. Pertama: Dahulu setiap nabi diutuskan kepada kaumnya sahaja secara khusus, sedangkan aku diutuskan kepada setiap bangsa merah dan hitam. Kedua: Ghanimah dihalalkan untukku, namun tidak dihalalkan untuk seorang pun sebelum aku. Ketiga: Seterusnya bumi itu dijadikan untukku dalam keadaan suci dan mensucikan dan (sebagai) masjid juga, maka sesiapa pun lelaki yang mana waktu solat mendapatinya maka dia dibolehkan solat walau di mana pun dia berada. Keempat: Aku ditolong dengan dicampakkan rasa takut (yang merasuk pada musuh di hadapanku) sejauh jarak perjalanan satu bulan. Kelima: Aku diberi syafaat".

Hadith Kedua

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Muslim dengan sanadnya daripada Hudzaifah

عَنْ حُنَيْفَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَضَّلْنَا عَلَى النَّاسِ بِثَلَاثٍ جُعِلَتْ صُفُوفُنَا كَصُفُوفِ
الْمَلَائِكَةِ وَجُعِلَتْ لَنَا الْأَرْضُ كُلُّهَا مَسْجِدًا وَجُعِلَتْ ثُرْبَتُهَا لَنَا طَهْرًا إِذَا لَمْ نَجِدْ الْمَاءَ وَذَكَرَ خَصْلَةً أُخْرَى
حَلَلْنَا أَبُو كُرَيْبٍ مُحَمَّدُ بْنُ الْعَلَاءِ أَخْبَرَ ابْنَ أَبِي زَائِدَةَ عَنْ سَعْدِ بْنِ طَارِقٍ حَدَّثَنِي رَبِيعُ بْنُ جِرَاشٍ عَنْ حُنَيْفَةَ
قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمِثْلِهِ¹⁷²

Maksudnya: Daripada Hudzaifah dia berkata, "Rasulullah ﷺ bersabda, 'Kami diberi keutamaan atas manusia lainnya dengan tiga perkara. Pertama: Saf (barisan) kami dijadikan sebagaimana saf para Malaikat. Kedua: Bumi dijadikan untuk kami semuanya sebagai masjid. Ketiga: Debunya dijadikan suci untuk kami apabila kami tidak mendapatkan air.' Dan beliau menyebutkan sifat lainnya."

Hadith Ketiga

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Muslim dengan sanadnya daripada Abu Hurairah

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فَضَّلْتُ عَلَى الْأَنْبِيَاءِ بِسِتِّ أُعْطِيتُ جَوَامِعَ الْكَلِمِ
وَنُصِرْتُ لِرُغْبٍ وَأُحِلَّتْ لِي الْعَنَائِمُ وَجُعِلَتْ لِي الْأَرْضُ طَهْرًا وَمَسْجِدًا وَأُرْسِلْتُ إِلَى الْخَلْقِ كَافَّةً وَخْتِمَ بِي
النَّبِيُّونَ¹⁷³

¹⁷¹ Muslim. Kitab Al-Masajid Wa Mawadhi' As-Solah. Dar Ihya' At-Turath Al-'Arabi. Bairut. Juz 1. Hlmn 370

¹⁷² Muslim. Kitab Al-Masajid Wa Mawadhi' As-Solah. Dar Ihya' At-Turath Al-'Arabi. Bairut. Juz 1. Hlmn 371

¹⁷³ Muslim. Kitab Al-Masajid Wa Mawadhi' As-Solah. Dar Ihya' At-Turath Al-'Arabi. Bairut. Juz 1. Hlmn 372

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah ra bahwa Rasulullah ﷺ telah bersabda, "Aku diberi keutamaan atas para nabi dengan enam perkara. Pertama: aku diberikan Jawami' al-Kalim. Kedua: Aku ditolong dengan rasa takut (yang dihunjamkan di dada-dada musuh aku). Ketiga: Ghanimah dihalalkan untukku. Keempat, bumi dijadikan suci untukku dan juga sebagai masjid. Kelima: Aku diutuskan kepada seluruh makhluk. Keenam: Para nabi ditamatkan dengan kerasulanku."

Hadith Keempat

Hadith ini telah diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dengan sanadnya daripada Abu Hurairah seperti berikut:-

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بُعِثْتُ بِجَوَامِعِ الْكَلِمِ وَنُصِرْتُ لِرُغْبِ وَبَيْنَا أُمَّتِي
أُتِيَتْ بِمَفَاتِيحِ خَزَائِنِ الْأَرْضِ فَوَضِعَتْ بَيْنَ يَدَيَّ قَالَ أَبُو هُرَيْرَةَ فَذَهَبَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلَنْتُمْ
تَتَنَبَّأُوهَا¹⁷⁴

Maksudnya: Daripada Abu Hurairah ra dia berkata, Rasulullah ﷺ bersabda, "Aku diutuskan dengan membawa Jawami' al-Kalim dan aku ditolong dengan perasaan takut (yang ditanamkan dalam dada-dada musuhku), dan ketika aku tidur aku diberi kunci-kunci gudang penyimpanan bumi, lalu diletakkan di hadapanku. Abu Hurairah berkata, "Lalu Rasulullah ﷺ pergi, dan kamu berusaha mengeluarkan sesuatu yang ada di dalamnya."

Periwayat Sahabat

Penulis menerangkan secara ringkas periwayat dikalangan sahabat empat hadith tersebut.

1- Jabir Bin Abdullah Al-Ansari- lahir pada 6SH dan wafat pada 78H. Beliau antara 7 orang sahabat yang paling banyak meriwayatkan hadis iaitu sejumlah 1,540 hadith. Beliau sering mendampingi Nabi SAW dan mendapat didikan terus daripada Baginda SAW, beliau mula dipertemukan dengan Nabi ketika perjanjian Aqabah iaitu ketika beliau masih kecil. Lebih 200 hadisnya dimasukkan ke dalam sahih Bukhari dan Muslim, beliau mempunyai usia yang panjang iaitu hampir 100 tahun¹⁷⁵.

2- Huzaifah- Bapa Huzaifah ialah Al-Yaman adalah seorang penduduk Makkah dari suku Abs. Kemudian Al-Yaman berpindah ke Yathrib dan menjadi sekutu kepada suku kaum Bani Al-Ashal. Ibunya pula berasal dari suku kaum ini.

Beliau digelar sebagai "Penyimpan Rahasia Nabi". Ketika Perang Khandaq, Nabi S.A.W mengarahkan beliau menjadi perisik untuk mengetahui strategi musuh tentera Islam pada ketika itu iaitu kaum Quraisy. Beliau mengambil tindakan nekad dengan menyamar sebagai salah seorang tentera musuh. Tindakan ini membantu tentera Islam setelah mendapat maklumat musuh daripada Huzaifah.

¹⁷⁴ Al-Bukhari. Kitab Al-Jihad Wa Al-Sayr. Dar Ibn Kathir. Bairut. 1987. Juz 4. Hlmn 54.

¹⁷⁵ Muhammad Abu Zahu. Al-Hadith Wa Al-Muhaddithun. Cetakan Riyadh. 1984. Hlmn 135.

Ketika zaman pemerintahan Umar Al-Khattab, beliau dilantik sebagai panglima perang untuk membantu Nu'man ibn Muqarrin dalam peperangan yang dikenali sebagai Perang Nihawand. Berikutan gugurnya Nu'man ibn Muqarrin di dalam peperangan dan dengan kemenangan tentera Islam di Nihawand, beliau dilantik menjadi gabenor Kufah dan Mada'in seterusnya menjadi wakil khalifah di tanah Parsi. Beliau wafat 36H.

3- Abu Hurairah ialah salah seorang perawi hadith yang masyhur dikalangan sahabat. Beliau dilahirkan 19 tahun sebelum Hijrah. Nama beliau sebelum memeluk agama Islam yang mashyur adalah Abd Syams. Nama sebenar beliau ialah Abdul Rahman ibn Shakhar Ad-Dausy Al-Yamani, wafat pada 59H. Jumlah hadith yang diriwayatnya ialah 5374 hadith.

Gelaran Abu Hurairah r.a. adalah kerana kegemarannya bermain dengan anak kucing. Diceritakan pada suatu masa ketika Abu Hurairah r.a. bertemu Rasulullah ﷺ dia ditanyai apa yang ada dalam lengan bajunya. Apabila dia menunjukkan anak kucing yang ada dalam lengan bajunya lantas beliau digelar Abu Hurairah r.a. oleh Rasulullah ﷺ. Semenjak itu dia lebih suka dikenali dengan gelaran Abu Hurairah r.a.

Hadis Abu Hurairah r.a. yang disepakati Imam Bukhari dan Muslim berjumlah 325 hadis, oleh Bukhari sendiri sebanyak 93 hadis, dan oleh Muslim sendiri 189 hadis. Hadis yang diriwayatkan Abu Hurairah r.a. juga terdapat dalam kitab-kitab hadis lainnya.

Terdapat golongan yang mempertikaikan tentang kesahihan hadis-hadis yang disampaikan oleh Abu Hurairah r.a. seperti dari golongan orientalis barat, Ignaz Goldzihar yang telah membuat kritikan terhadap hadis dan para perawinya termasuk Abu Hurairah. Tuduhan beliau telah mempengaruhi beberapa penulis Islam untuk mengkritik kedudukan Abu Hurairah sebagai perawi hadis. Tuduhan-tuduhan ini telah disanggah oleh Mustafa al Sibai dalam *al Sunnah wa Makanatuha*¹⁷⁶.

Syarah Hadis

Hadis ini menjelaskan suatu hakikat bahawa Nabi Muhammad SAW memiliki keistimewaan-keistimewaan yang tidak dimiliki oleh para nabi yang terdahulu.

Penjelasan Nabi ini berlaku selepas peristiwa peperangan Tabuk iaitu peperangan terakhir Nabi SAW. Nabi menjelaskan kepada para sahabat untuk disampaikan kepada umatnya agar diketahui oleh umat Muhammad tentang kelebihan yang dimiliki Nabi yang diutuskan kepada mereka. Hadis ini menjelaskan hakikat yang sebenar yang dimiliki oleh Nabi Muhammad SAW berbanding dengan para nabi sebelum baginda. Kelebihan yang dianugerahkan kepada Nabi Muhammad adalah secara satu persatu, bukan secara sekali gus.

Terdapat pelbagai riwayat yang menjelaskan kelebihan Nabi Muhammad dan pelbagai jenis kelebihan baginda. Keistimewaan baginda bukan terbatas sebagaimana yang disebutkan dalam satu hadith sahaja, iaitu disebutkan lima atau enam perkara sahaja, kepelbagaian jumlah yang dinyatakan itu bukanlah menafikan jumlah lain yang lebih banyak lagi, bahkan terdapat dalam riwayat lain menyebutkan sebanyak tujuh belas kelebihan.

¹⁷⁶ As-Sibae'. *As-Sunnah Wa Makanatuha*. Al-Maktabah Al-Islami. Bairut 1982. Halmn 273-283

Bahkan baginda diutuskan juga kepada jin seperti firman Allah dalam surah Al-Anbiya' ayat 107:-

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ¹⁸⁰

Bermaksud: *Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.*

Firman Allah lagi dalam menyatakan utusan nabi Muhammad adalah juga kepada makhluk Jin, seperti dalam surah Al-Ahqaf ayat 29:-

وَإِذْ صَرَفْنَا إِلَيْكَ نَفَرًا مِّنَ الْجِنِّ يَسْتَمِعُونَ الْقُرْآنَ فَلَمَّا حَضَرُوهُ قَالُوا أَنصِتُولِفَلَمَّا قُضِيَ وَلَّوْا إِلَىٰ قَوْمِهِمْ مُّنذِرِينَ¹⁸¹

Bermaksud: *Dan (ingatkanlah peristiwa) semasa Kami menghalakan satu rombongan jin datang kepadamu (wahai Muhammad) untuk mendengar Al-Quran; setelah mereka menghadiri bacaannya, berkatalah (setengahnya kepada yang lain): "Diamlah kamu dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya!" Kemudian setelah selesai bacaan itu, kembalilah mereka kepada kaumnya (menyiarkan ajaran Al-Quran itu dengan) memberi peringatan dan amaran.*

Dalam surah Al-Jin ayat 1 juga menunjukkan kaum Jin mendengar ayat-ayat Al-Quran dan beriman dengannya.

قُلْ أُوحِيَ إِلَيَّ أَنَّهُ اسْتَمَعَ نَفَرٌ مِّنَ الْجِنِّ فَقَالُوا إِنَّا سَمِعَلِقُرْآنًا عَجَبًا¹⁸²

Bermaksud: *Katakanlah (wahai Muhammad): "Telah diwahyukan kepadaku, bahawa sesungguhnya: satu rombongan jin telah mendengar (Al-Quran yang aku bacakan), lalu mereka (menyampaikan hal itu kepada kaumnya dengan) berkata: `Sesungguhnya kami telah mendengar Al-Quran (sebuah Kitab Suci) yang susunannya dan kandungannya sungguh menakjubkan.*

Dalil-dalil daripada Al-Quran dan hadih ini menunjukkan umum risalah baginda kepada makhluk manusia dan jin keseluruhannya. Adapun para anbia' yang terdahulu terbatas kepada kaumnya sahaja, juga terbatas kepada masa tertentu sahaja.

Risalah nabi Muhammad SAW juga kekal hingga hari kiamat dan sesuai pada setiap tempat dan zaman.

¹⁸⁰ Surah Al-Anbiya Ayat 107.

¹⁸¹ Al-Ahqaf. Ayat 29.

¹⁸² Al-Jin. Ayat 1.

Terdapat kemusykilan bahawa risalah nabi Nuh yang mana risalah beliau adalah umum kepada seluruh ahli bumi selepas berlakunya taufan dan banjir besar, kerana tidak ada bersama beliau kecuali orang mukmin yang terselamat, seluruh manusia ketika itu binasa kecuali orang-orang yang beriman bersama beliau.

Jawapan daripada persoalan ini ialah, umumnya risalah nabi Nuh pada Ketika itu, bukanlah pada awal kebangkitan beliau menjadi nabi, tetapi bertepatan dengan sebab peristiwa yang berlaku, semua manusia binasa kecuali yang bersama dengan beliau sahaja yang terselamat. Sementara Nabi Muhammad risalahnya umum semenjak baginda diutuskan dari awal lagi dan kekal selama-lamanya hingga hari kiamat manakala syariat nabi Nuh hanya pada zaman beliau sahaja.

2. Keistimewaan Kedua Nabi Muhammad: Dihalalkan menerima harta ghanimah, sedangkan tidak dihalalkan kepada nabi sebelum Nabi Muhammad SAW.

Dihalalkan kepada baginda dan kepada umatnya menerima dan makan daripada harta rampasan perang. Sebagaimana dalam hadith:-

وأحلت لي الغنائم ولم تحل لأحد قبلي

Maksudnya: *Dihalalkan bagiku ghanimah dan tidak dihalalkan sesiapa pun sebelumku.*

Ini dikuatkan oleh firman Allah yang menjelaskan hukum ghanimah dalam surah Al-Anfal ayat 41:

وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا غَنِمْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ رَحْمَتَهُ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينِ وَابْنِ
السَّبِيلِ¹⁸³

Bermaksud: *Dan ketahuilah, bahawa apa sahaja yang kamu dapati sebagai harta rampasan perang, maka sesungguhnya satu perlimanya (dibahagikan) untuk (jalan) Allah, dan untuk RasulNya, dan untuk kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta ibnus-sabil (orang musafir yang keputusan).*

Detetapkan kadar pembahagian ghanimah diagihkan kepada Mujahidin. Ini dijelaskan oleh Nabi dalam Riwayat Al-Bukhari daripada Abi Hurairah:

Bermaksud: *Daripada Abu Hurairah radhiallahu'anhu berkata; Rasulullah ﷺ bersabda, Ada seorang Nabi diantara para nabi yang berperang lalu berkata kepada kaumnya, "Janganlah mengikuti aku seseorang yang baru saja menikahi wanita sedangkan dia hendak menyeturubuhnya kerana dia belum lagi menyeturubuhnya (sejak malam pertama), dan jangan pula seseorang yang membangun rumah-rumah sedang dia belum memasang atap-atapnya, dan jangan pula seseorang yang membeli seekor kambing atau seekor unta yang bunting sedang dia menanti-nanti haiwan itu beranak". Maka Nabi tersebut berperang dan ketika sudah hampir mendekati suatu kampung datang waktu shalat Asar atau sekitar waktu itu lalu Nabi itu berkata kepada matahari, "Kamu adalah hamba yang diperintah begitu juga aku hamba yang diperintah. Ya Allah tahanlah matahari ini untuk kami. Maka matahari itu tertahan (berhenti beredar) hingga Allah memberikan kemenangan kepada Nabi tersebut. Kemudian Nabi tersebut mengumpulkan ghanimah lalu tak lama kemudian datanglah api*

¹⁸³ Al-Anfal. Ayat 41.

untuk memakan (menghanguskannya) namun api itu tidak dapat memakannya. Maka Nabi tersebut berkata, "Sungguh diantara kalian ada yang berkhianat (mencuri ghanimah) untuk itu hendaklah dari setiap suku ada seorang yang berbaiat kepadaku. Maka ada tangan seorang laki-laki yang melekat (berjabat tangan) dengan tangan Nabi tersebut lalu Nabi tersebut berkata, "Dikalangan sukumu ada orang yang mencuri ghanimah maka hendaklah suku kamu berbaiat kepadaku. Maka tangan dua atau tiga orang laki-laki suku itu berjabat tangan dengan tangan Nabi tersebut lalu Nabi tersebut berkata, "Di kalangan sukumu ada orang yang mencuri ghanimah". Maka mereka datang dengan membawa emas sebesar kepala sapi lalu meletakkannya. Kemudian datanglah api lalu menghanguskannya. Kemudian Allah menghalalkan ghanimah untuk kita karena Allah melihat kelemahan dan ketidak mampuan kita sehingga Dia menghalalkannya untuk kita¹⁸⁴".

Ada pendapat mengatakan keistimewaan ini menunjukkan bahawa nabi dibenarkan menguruskan agihan ghanimah kepada sesiapa yang dia hendak agihkan, tetapi pendapat pertama lebih tepat.

3. Keistimewaan Ketiga: Dijadikan bumi ini bersih dan boleh dijadikan masjid.

Keistimewaan ini terbahagi kepada dua bahagian:

- a- Dimaksudkan ialah disyariatkan tayammum jika tiada air, ia merupakan dalil kepada tayammum dengan tanah yang bersih, inilah yang dimaksudkan khususiah kepada umat ini. Riwayat hadis ini dijadikan dalil oleh Malik dan Abu Hanifah kepada harusnya bertayammum menggunakan tanah, pasir atau batu. Ini dikuatkan lagi dengan hadis riwayat Ahmad daripada Abi Umamah bahawa Nabi bersabda:-

Bermaksud:- *Daripada Abu Umamah bahwa Rasulullah ﷺ bersabda, "Rabb-ku memuliakanku diantara para nabi -atau bersabda, "Atas umat-umat"- dengan empat hal; 'Aku diutus untuk seluruh manusia, seluruh bumi diberikan untukku dan umatku sebagai masjid (tempat bersujud) dan bersuci, maka dimanapun bila waktu shalat mendatangi seseorang dari umatku, itulah tempat sujud dan tempat bersucinya, aku diberi kemenangan dengan rasa takut yang dihunjamkan dalam dada para musuhku sejauh perjalanan satu bulan, dan harta rampasan perang dihalalkan bagi kami¹⁸⁵."*

Tetapi menurut Asy-Safie, Ahmad dan lain-lain tidak harus bertayammum kecuali debu tanah. Mereka menyatakan riwayat yang pertama berbentuk mutlaq dan riwayat yang kedua merupakan muqayyad kepada yang mutlaq.

- b- Maksud bumi sebagai masjid – Yang dimaksudkan masjid ialah tempat sujud, boleh juga dimaksudkan tempat yang boleh didirikan solat, seolah-olah maksudnya dijadikan bumi itu seperti masjid kerana padanya harus didirikan solat seperti masjid.

Perkara ini tidak seperti umat terdahulu, yang mana tempat solat mereka adalah tempat yang dikhususkan sahaja sbagaimana hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad.

وَكَانَ مِنْ قَبْلِي يُعْظَمُونَ ذَلِكَ إِنَّمَا كَانُوا يُصَلُّونَ فِي كِنَائِهِمْ وَيَبْعُهُمْ

¹⁸⁴ Al-Bukhari. Sahih Al-Bukhari. Kitab Fardhu Al-Khams. Darul Ibn Kathir Bairut. 1987. Juz 4. Hlmn 104.

¹⁸⁵ Ahmad. Musnad Ahmad. Musnad Al-Ansar. Dar Ihya' At-Turath. Bairut.

Maksudnya: *Dan kaum sebelumku menganggap itu sebagai sebuah perkara besar, mereka hanya melaksanakan ibadah di gereja-gereja dan di biara-biara mereka.*

Diharuskan kepada umat ini mendirikan solat pada seluruh kawasan bumi. Kecuali tempat yang ada najis tidak diharuskan.

Sebagaimana hadith Imam Muslim sanadnya daripada Jabir bin Abdullah

فَأَيُّمَا رَجُلٍ أَدْرَكَتُهُ الصَّلَاةُ صَلَّى حَيْثُ كَانَ

Maksudnya: *Maka siapa pun laki-laki yang mana waktu shalat mendapatinya maka dia boleh solat di mana pun dia berada.*

Lafaz ini adalah umum termasuk mereka yang tidak terdapat air atau debu tanah, samada berwudu' atau bertayammum maka jika ingin menunaikan solat boleh menunaikan di mana-mana sudut di muka bumi ini.

4. Keistimewaan keempat: Baginda SAW ditolong dengan dicampakkan rasa gerun ke dalam sanubari musuh sejauh jarak perjalanan satu bulan. Sebagaimana lafaz hadith riwayat Imam Muslim daripada Jabir bin Abdullah.

كَانَ وَنُصِرْتُ لِرُغْبٍ بَيْنَ يَدَيْ مَسِيرَةِ شَهْرٍ

Bermaksud: *Aku ditolong dengan rasa takut (yang merasuk dalam jiwa musuh) sejauh jarak perjalanan satu bulan.*

Keistimewaan ini adalah khusus kepada nabi Muhammad SAW dan umatnya, Allah mencampakkan rasa gerun ke dalam hati-hati musuh Islam, berhadapan dengan umat yang Islam ikhlas berjuang dan berjihad menegakkan kalimah Allah di bumi ini.

Perkara ini dijelaskan menerusi dalam firman Allah dalam surah Al-Hasyr ayat 2:

وَقَدَفَ فِي قُلُوبِهِمُ الرُّغْبَ يُجْرِبُونَ سُبُوتَهُمْ يَدِيهِمْ وَأَيْدِي الْمُؤْمِنِينَ فَاعْتَبِرُوا - أُولِي الْأَبْصَارِ¹⁸⁶

Maksudnya: *DilemparkanNya perasaan cemas takut ke dalam hati mereka, (lalu) mereka membinasakan rumah-rumah mereka dengan tangan mereka sendiri (dari dalam) sambil tangan orang-orang yang beriman (yang mengepung mereka berbuat demikian dari luar). Maka insaflah dan ambillah pelajaran (dari peristiwa itu) wahai orang-orang yang berakal fikiran serta celik mata hatinya.*

Allah mencampakkan perasaan gerun yang melemahkan dalam jiwa musuh, sebagai contoh dalam peperangan badar Allah mencampakkan rasa gerun dalam hati orang-orang kafir yang menjadi sebab kehancuran mereka.

Sebagaimana firman Allah dalam surah Al-Anfal ayat 12:

إِذْ يُوحِي رَبُّكَ إِلَى الْمَلَائِكَةِ أَنْ مَعَكُمْ فَثَبِّتُوا الَّذِينَ آمَنُوا سَأَلَفِي فِي قُلُوبِ الَّذِينَ كَفَرُوا الرُّغْبَ فَاضْرِبُوا فَوْقَ الْأَعْنَاقِ وَاضْرِبُوا مِنْهُمْ كُلَّ بَنَانٍ¹⁸⁷

¹⁸⁶ Surah Al-Hasyr. Ayat 2.

Maksudnya: (Ingatlah) ketika Tuhanmu wahyukan kepada malaikat: "Sesungguhnya Aku menyertai kamu (memberi pertolongan), maka tetapkanlah (hati) orang-orang yang beriman. Aku akan mengisi hati orang-orang yang kafir dengan perasaan gerun, oleh itu, pancunglah leher mereka (musuh) dan potonglah tiap-tiap anggota mereka".

Jelas keistimewaan ini kepada Rasulullah SAW adalah secara mutlak samada dalam tempoh perjalanan sebulan atau lebih dan kurang.

Dalam lafaz hadith menyebutkan perjalanan sebulan bermaksud, berkemungkinan ditetapkan sebulan perjalanan diantara Baginda SAW dengan raja-raja dan pembesar-pembesar yang disekelilingnya tidak mungkin lebih daripada tempoh itu seperti Syam, Iraq, Yaman, Mesir.

5. Keistimewaan Kelima: Nabi diberikan syafaat. Syafaat yang dimaksudkan adalah syafaat besar yang berlaku di Mahsyar nanti, manusia keseluruhannya dihimpunkan oleh Allah, tiada seorang pun yang terkecuali. Suasana ketika dimahsyar sangat dahsyat, sukar dan menggerunkan. Mereka meminta syafaat dengan para abiya', meminta kepada Adam, Nuh, Ibrahim, Musa, Isa dan lain-lain, para anbiya' ini semua mengakui mereka tidak mampu untuk memberi syafaat, mereka dicadangkan agar bertemu dengan nabi Muhammad untuk mendapatkan syafaat, nabi Muhammad tempat mereka mendapatkan syafaat untuk meringankan situasi yang paling dahsyat. Nabi Muhammad memiliki kedudukan yang terpuji dan tinggi, sebagaimana firman Allah dalam surah Al-Isra' ayat 79.

عَسَىٰ أَنْ يَبْعَثَكَ رَبُّكَ مَقَامًا مَّحْمُودًا¹⁸⁸

Bermaksud: *Semoga Tuhan kamu membangkit dan menempatkan kamu pada hari akhirat di tempat yang terpuji.*

Bentuk syafaat seperti ini iaitu syafaat besar di padang Mahsyar adalah yang disepakati oleh jumur ulamak.

6. Keistimewaan yang Keenam ialah: Dijadikan saf (barisan) kita seperti barisan Malaikat. Barisan yang lurus dan tiada berlaku kelompangan, menutup ruang yang terbuka dalam saf. Bermaksud: *Daripada Jabir bin Samurah dia berkata, "Mengapa aku melihat kalian mengangkat tangan kalian, seakan-akan ia adalah ekor kuda yang tidak boleh diam. Kalian diamlah di dalam shalat." Perawi berkata, "Kemudian beliau keluar melewati kami, lalu beliau melihat kami bergerombol, maka beliau bersabda, 'Mengapa aku melihat kalian bercerai berai' Perawi berkata, "Kemudian Rasulullah keluar menemui kami seraya bersabda, "Mengapa kalian tidak berbaris sebagaimana malaikat berbaris di sisi Rabbnya?" Maka kami berkata, "Wahai Rasulullah, bagaimana malaikat berbaris di sisi Rabbnya?" Beliau bersabda, "Mereka menyempurnakan barisan awal dan menempelkan diri dalam barisan¹⁸⁹".*

Begitu juga Allah memuji para mujahidin yang berjuang dengan barisan pejuang tersusun dalam peperangan seperti dalam surah al-Saf ayat 4.

¹⁸⁷ Surat Al-Anfal Ayat 12.

¹⁸⁸ Surah Al-Isra' Ayat 79.

¹⁸⁹ Muslim. Sahih Muslim. Kitab As-Solah. Dar Al-Ihya' Bairut. No. 3088.

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفًّا كَأَنَّهُمْ بُنْيَانٌ مَّرصُومٌ¹⁹⁰

Bermaksud: *Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela agamaNya, dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh.*

Begitu juga Nabi menggalakkan supaya susun, samakan barisan, rapatkan saf agar tidak berlaku kerenggangan dan luruskan ketika salat berjamaah. Ini adalah gambaran ikatan kasih sayang dan kesatuan. Ini dijelaskan dalam hadith Riwayat Muslim

Bermaksud: *An-Nu'man bin Basysyir berkata, "Dahulu Rasulullah ﷺ menyamakan saf kami hingga seakan-akan menyamakan busur panah hingga beliau melihat bahwa kami sungguh telah terikat darinya. Kemudian pada suatu hari beliau keluar, lalu berdiri hingga hampir bertakbir, lalu beliau melihat seorang laki-laki menonjolkan dadanya dari shaf, maka beliau bersabda, "Wahai hamba Allah, sungguh kalian menyamakan saf kalian atau Allah akan menyelisihkan antara wajah kalian¹⁹¹".*

Antara hikmah memperlakukan dan meluruskan barisan tanda ikatan persaudaraan, kesepakatan dan kesatuan ummah.

7. Keistimewaan Ketujuh: Dalam hadis berbentuk kesamaran, iaitu dua ayat yang terakhir dari surah al-Baqarah yang tidak diturunkan kepada selain nabi Muhammad. Yang dimaksudkan ialah dua ayat pada akhir surah al-Baqarah tidak diturunkan kepada seorang rasul kecuali kepada Nabi kita, sebagaimana hadis Riwayat Ahmad daripada Abu Zar:

Bermaksud: *Daripada Abu Dzar ia berkata, "Rasulullah ﷺ bersabda, "Aku telah diberi penutup surah Al-Baqarah dari harta simpanan di bawah 'Arsy yang tidak diberikan kepada seorang Nabi pun sebelumku¹⁹²".*

8. Keistimewaan kelapan: Nabi diberikan *Jawami' al-Kalim* iaitu berbicara dengan kalimat yang ringkas, lafaznya pendek, namun banyak makna.

Terdapat pelbagai pandangan. Ada pandangan maksudnya al-Quran al-Karim, Allah menghimpunkan lafaz yang sedikit tetapi mengandungi makna-makna yang banyak.

Ada pendapat mengatakan, kalam baginda iaitu sedikit lafaz tetapi mengandungi banyak maknanya. Seperti hadith riwayat Imam Al-Bukhari

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ

الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ وَالْمُهَاجِرُ مَنْ هَجَرَ مَا هِيَ اللَّهُ عَنْهُ¹⁹³

¹⁹⁰ Surah Al-Saf. Ayat 4.

¹⁹¹ Muslim. Sahih Muslim. Kitab As-Solah. Darul Ihya' At-Turath Bairut. No. 3088.

¹⁹² Ahmad. Musnad Ahmad. Hadith Musnad Al-Ansar. Darul Ihya' Turath Bairut. No 21344.

¹⁹³ Al-Bukhari. Sahih Al-Bukhari. Kitab Al-Iman. Dar Ibn Kathir. Bairut. 1987

Maksudnya: *Daripada Abdullah bin 'Amru dari Nabi ﷺ, bersabda, "Seorang muslim adalah orang yang kaum muslimin selamat dari lisan dan tangannya, dan seorang Muhajir adalah orang yang meninggalkan apa yang dilarang oleh Allah"*

9. Keistimewaan Kesembilan: Pengutusan nabi Muhammad adalah penyudah segala nabi, tiada nabi selepas kenabian Muhammad SAW.

Ini dapat dijelaskan menerusi ayat Al-Quran surah Al-Ahzab ayat 40.

مَا كَانَ مُحَمَّدٌ أَبًا أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلَكِن رَّسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّينَ¹⁹⁴

Bermaksud: *Bukanlah Nabi Muhammad itu (dengan sebab ada anak angkatnya) menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari orang lelaki kamu, tetapi ia adalah Rasul.*

Nabi kita diutuskan dengan risalah yang umum, maknanya tiada nabi lagi diutuskan selepas Nabi Muhammad. Sebagaimana hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad menjelaskan perkara ini.

عَنْ عَبْدِ الرَّاسِيِّ قَالَ سَمِعْتُ أَبَا الطُّفَيْلِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا نُبَوِّئُ بَعْدِي إِلَّا الْمُبَشِّرَاتِ قَالَ قِيلَ وَمَا الْمُبَشِّرَاتُ - رَسُولُ اللَّهِ قَالَ الرَّؤُوفُ الْحَسَنَةُ أَوْ قَالَ الرَّؤُوفُ الصَّالِحَةُ¹⁹⁵

Maksudnya: *Rasulullah ﷺ bersabda, "Tidak ada kenabian setelahku kecuali berita gembira - berita gembira". Beliau ditanya: Apa itu berita gembira-berita gembira? Rasulullah ﷺ bersabda, "Mimpi yang baik".*

Begitu juga dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَثَلِي وَمَثَلُ الْأَنْبِيَاءِ مِنْ قَبْلِي كَمَثَلِ رَجُلٍ بَنَى بُنْيَانًا فَأَحْسَنَهُ وَأَجْمَلَهُ إِلَّا مَوْضِعَ لَبْنَةٍ مِنْ زَاوِيَةٍ مِنْ زَاوِيَةٍ هُ فَجَعَلَ النَّاسُ يَطُوفُونَ بِهِ وَيَعْجَبُونَ لَهُ وَيَقُولُونَ هَلَّا وُضِعَتْ هَذِهِ اللَّبْنَةُ قَالَ فَأَنَّ اللَّبْنَةَ وَأَنَّ خَاتَمَ النَّبِيِّينَ¹⁹⁶

Bermaksud: *Daripada Abu Hurairah bahwa Rasulullah ﷺ bersabda, "Perumpamaanku dengan Nabi-nabi sebelumku adalah seperti orang membangun rumah, lalu disempurnakannya dan dibaguskan buatannya, kecuali suatu sudut (belum terpasang) dengan sebuah bata. Maka masuklah orang banyak ke rumah itu. Mereka mulai mengelilinginya dan kagum akan keindahannya. Lalu mereka bertanya; "Kenapa batu di tempat ini belum dipasang sehingga bangunanmu menjadi sempurna? Maka akulah yang akan memasang atau meletakkan bata itu, aku datang sebagai penutup para nabi".*

¹⁹⁴ Surah Al-Ahzab. Ayat 40.

¹⁹⁵ Ahmad. Musnad Ahmad. Bab Musnad Al-Ansar. Darul Ihya'. Bairut. Juz3. Hlmn 9.

¹⁹⁶ Muslim. Sahih Muslim. Kitab Al-Fadhail. Dar Ihya' Al-Turath. Bairut. No 6101

10. Keistimewaan Kesepuluh: Ketika nabi tidur, baginda diberikan kunci-kunci perbendaharaan bumi, dan diletakkan pada kedua tangannya. Dimaksudkan ialah diletakan kunci-kunci dalam tangan baginda SAW ketika baginda sedang tidur. Ini menggambarkan Allah akan memberi baginda pertolongan dan kemenangan ke atas musuh-musuhnya, juga akan memenangkan agamanya ke atas agama-agama lain, memperluaskan wilayah kekuasaan Islam. Mimpi yang dialami oleh nabi ini adalah merupakan jenis wahyu, perkhabaran melalui mimpi ini menunjukkan perluasan penyebaran Islam selepas kewafatan baginda SAW. Para sahabat telah berperanan berjihad meyebar Islam sehingga ke wilayah Parsi, Rom, Mesir dan bahagian utara Afrika, seterusnya perjuangan Islam diteruskan oleh jenerasi selepas mereka iaitu tabien, tabi' tabien dan sebagainya, sehinggalah islam tersebar ke seluruh pelusuk dunia ini.

KESIMPULAN

Hadith-hadith yang dikemukakan di atas telah menjelaskan hakikat yang mesti diyakini bahawa Nabi Muhammad SAW memiliki keistimewaan-keistimewaan yang khusus dianugerahkan oleh Allah kepada baginda yang tidak dimiliki oleh Nabi-nabi sebelum baginda. Riwayat hadith yang menerangkan keistimewaan ini ada pelbagai riwayat daripada sahabat yang berlainan, seperti daripada Abu Hurairah, Jabir bin Abdullah dan Huzaifah. Menurut ulamak keistimewaan Nabi Muhammad adalah banyak berdasarkan himpunan beberapa hadith tentang isu ini, tetapi dalam empat hadith yang dikemukakan ini dapat dihimpunkan sebanyak sepuluh keistimewaan Nabi Muhammad SAW sebagaimana yang diuraikan dalam artikel ini.

RUJUKAN

- 1- Mohammad Shauqi Khadhir Saiyid. *Al-Mukhtar Min Kunuz Al-Sunnah*. Al-Azhar Syarif.
- 2- Sa'ad Sa'ad Jawish. *Al-Sunan Al-Zakiyah Fi Al-Fadhail Al-Nabawiyyah*. Dar 'Utwah Li Taba'ah. Kaherah. 1986.
- 3- Ibn Hajar al-'Asqalani. *Fathul Bari*. Salafiyyah. Kaherah. 1380H.
- 4- An-Nawawi. *Sahih Muslim Ma'a Syarah An-Nawawi*. Al-Azhar. Kaherah. 1347H.
- 5- Jalaluddin As-Suyuti. *Tadrib Al-Rawi*. Maktabah Al-Kaherah Mesir. 1959.
- 6- Ahmad Muhammad Syakir. *Al-Ba'ithu Al-Hathis*. Dar Al-'Asimah. Riyadh. 1415H.
- 7- Muhammad Al-Samahi. *Al-Manhaj Al-Hadith Fi Ulum Al-Hadith*. Darul Anwar. Mesir, 1404H.
- 8- Muhammad Abu Zahu. *Al-Hadith Wa Al-Muhaddithun*. Cetakan Riyadh. 1984.
- 9- Muhammad 'Ajjaj al-Khatib. *Usul Al-Hadith*. Gaya Media Pratama Jakarta. 2002.